

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (DEWAN RAKYAT)

TARIKH: 4 OGOS 2017

MUKA SURAT: 14

Pemohon RTO lalui dua tapisan ketat

Dua tapisan ketat akan dilalui pembeli rumah Projek Perumahan Rakyat menggunakan kaedah 'sewa untuk beli' (RTO) bagi memastikan mereka benar-benar layak menikmati kemudahan itu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata tapisan itu bagi memastikan inisiatif kerajaan telus dan sampai kepada golongan sasaran.

Menerusi tapisan itu, pemohon RTO akan dirujuk pada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi memastikan mereka tidak pernah memiliki rumah.

Pemohon kemudian akan disemak sama ada menjadi penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) atau tidak dan hanya menawarkan kaedah itu pada mereka yang tersenarai sebagai penerima bantuan berkenaan.

"Jika pemohon melepasi tapisan, nama mereka akan dipaparkan pada laman sesawang kementerian selama dua minggu dan orang ramai boleh membuat bantahan jika curiga dengan individu itu," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Shamsul Iskandar Mohd Akin (PKR-Bukit Katil) mengenai mekanisme pemantauan oleh kementerian bagi memastikan hanya individu yang benar-benar layak mendapat manfaat RTO.